

Street 5/11/19
**Kawasan tarikan
pengunjung di Kuantan
sejak tahun 1980**

NIK AMIRUT MU' MIN NIK MIN

KUANTAN

Bagi 'orang sini' Taman Kerang mungkin sudah terlalu biasa namun bagi yang pertama kali tiba, lokasi itu sudah tentu muncul dalam pencarian di Google tempat-tempat menarik di Kuantan.

Terletak di sudut antara Jalan Mahkota dan Jalan Bukit Ubi bersebelahan dengan Padang Majlis Perbandaran Kuantan I (MPKI) di sini, Taman Kerang dinamakan sempena nama stesen minyak Shell yang membina replika kerang gergasi di tapak itu.

Biar pun bandar Kuantan pesat membangun, Taman Kerang yang difahamkan dibina sekitar 80-an tidak 'terusik' dengan agenda pembangunan komersial sebaliknya ia dikekalkan sebagai 'centre of the city'.

Taman Kerang meliputi kawasan dari Hotel Shahzan Inn hingga ke Pokok Buluh dan asalnya ia tapak pasar lambak sebelum dinaiktaraf sempena Sukan Malaysia (Sukma) 2012.

Setiap hari, seawal jam 8 pagi, lokasi ini mula 'hidup' dengan aktiviti peniaga dan sudah tarikannya sudah tentu peniaga-peniaga 'otai' yang menjual ubat tradisional, tukang urut, penjual cincin dan batu permata serta barangan kulit barang perhiasan lain.

Manakala petang hingga malam, Taman Kerang menjadi tumpuan lbubapa yang membawa nak-anak beriadah sambil bermain 'paddle car' yang disediakan pengusahanya.

Manakala pada waktu malam kawasan itu dimeriahkan dengan aktiviti jualan 'car boot sale' yang dibuka di tapak parkir berhampiran.

